

# Sistem kad disahkan

Bermula bulan depan, kata Dr. Mahathir

Oleh JAMALUDIN BAKAR

**KUALA LUMPUR, Selasa** — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengesahkan kerajaan akan memperkenalkan sistem menggunakan kad-kad penentuan waktu bermula awal bulan depan.

Perdana Menteri menegaskan, sistem tersebut akan dikuatkuasa kepada semua kakitangan kerajaan termasuk Menteri, Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen.

"Bagaimanapun sistem baru tersebut akan dilaksanakan sebagai percubaan untuk beberapa bulan sebelum dilaksanakan sepenuhnya," katanya kepada Berita Harian selepas menghadiri majlis makan tengah hari di Ibu pejabat UMNO hari ini.

Di bawah sistem baru itu setiap kakitangan kerajaan termasuk Menteri, Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen serta pegawai kanan kerajaan dikehendaki menggunakan kad-kad penentuan waktu bagi mencatat kedatangan dan masa pulang mereka.

## Sungguh berkesan

Sistem ini telah digunakan dengan baik di swasta dan didapati sungguh berkesan di kalangan kakitangan mereka yang datang bekerja dan masa kepulangan mereka.

Berita Harian dalam laporannya Isnin lalu menyatakan Menteri-menteri dan pegawai kerajaan tidak dikecualikan menggunakan kad-kad penentuan waktu bagi mempastikan pentadbiran negara berjalan dengan lebih licin dan cekap.

Datuk Seri Dr. Mahathir menegaskan dalam apa jua perubahan yang mesti dilakukan ia mesti dijalankan di peringkat atasan yang mana mereka itu memberi contoh dan tauladan yang berguna.

Dengan demikian, katanya, adalah perlu Menteri, Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen dan Setiausaha Politik serta pegawai kanan kerajaan memberi contoh yang baik dan berkesan.

"Mereka hendaklah datang awal pada jam 8 pagi dan pulang secepat-cepatnya 6 petang.

"Kalau mereka itu memberi contoh yang baik maka sudah tentulah kakitangan di bawah mereka itu akan mengikut jejak langkah mereka," katanya.

Datuk Seri Dr. Mahathir menasihatkan pegawai-pegawai kerajaan jangan terlalu memikirkkan upah yang mereka peroleh hasil titik peluh mereka.

Katanya, dalam masyarakat yang bertamadun tinggi masalah upah tidak menjadi kriteria penting.

"Pada mereka yang penting ialah sumbangan yang dibuat kepada diri sendiri dan masyarakat — mereka berbangga dengan sumbangan tersebut," katanya.

"Di samping itu, jika mereka hendak nampak sentiasa muda mereka hendaklah bekerja dari pukul 8 pagi hingga enam petang seperti saya amalkan sekarang," katanya bergurau.

## Usaha

Datuk Seri Dr. Mahathir kini berusia 56 tahun tetapi wajah dan parasnya seperti berusia 40an—apa orang lain kala.

"Dengan demikian, saya syorkan kepada Menteri-menteri, Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen serta pegawai kanan kerajaan—jika mahu nampak muda bekerjalah mulai pukul 8 pagi dan pulang selekas-lekasnya 6 petang," tambah beliau lagi.

Perdana Menteri berkata sistem baru tersebut hanya merupakan usaha kerajaan untuk melicinkan perjalanan pentadbiran negara supaya lebih kecekapan dan licin.

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia